

**No. 766.**

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

**STATUT JAWATANKUASA PEMILIH DAN PIHAK BERKUASA MELANTIK 2024**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin [*P.U. (A) 456/2010*], Canselor membuat statut yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Jawatankuasa Pemilihan dan Pihak Berkuasa Melantik 2024.

(2) Statut ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

**Tafsiran**

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli akademik” ertinya seseorang yang dilantik menjadi pengajar atau penyelidik oleh Universiti dan termasuklah profesor, profesor madya, felo penyelidikan, felo, penolong profesor, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan tutor;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Pemilihan dengan keahlian seperti yang dinyatakan di dalam Statut ini;

“kenaikan pangkat” ertinya menaikkan gred jawatan pekerja Universiti ke gred jawatan yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan yang sama.

“kumpulan sokongan” ertinya kumpulan pelaksana;

“kursi” ertinya jawatan profesor sebagai pemegang kursi;

“lanjutan perkhidmatan” ertinya lanjutan perkhidmatan dalam skim perkhidmatan di Universiti Sultan Zainal Abidin;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti;

“pekerja Universiti” ertinya mana-mana orang yang diambil bekerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan atau mana-mana Statut;

“pelantikan” ertinya lantikan dalam skim perkhidmatan di Universiti;

“pengesahan” ertinya pengesahan pelantikan dalam skim perkhidmatan di Universiti;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti;

“Senat” ertinya badan akademik bagi Universiti; dan

“Universiti” ertinya Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan ke sesuatu kursi dan pelantikan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan ke jawatan profesor kanan dan profesor**

3. (1) Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan ke sesuatu kursi dan pelantikan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan ke jawatan profesor kanan dan profesor hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) dua orang ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;
- (c) Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang baginya kursi atau profesor itu diuntukkan; dan
- (d) dua orang ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

(2) Pendaftar atau wakil Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa ini.

(3) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan dua orang ahli Jawatankuasa.

**Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan ke jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang**

4. (1) Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan ke jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang, hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) dua orang ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;
- (c) Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya kursi itu diuntukkan; dan
- (d) dua orang ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

(2) Pendaftar atau wakil Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa ini.

(3) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan dua orang ahli Jawatankuasa.

**Keahlian Jawatankuasa bagi mengesyorkan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan ahli akademik selain daripada jawatan profesor kanan dan profesor**

5. (1) Keahlian Jawatankuasa bagi mengesyorkan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan ahli akademik selain daripada jawatan profesor kanan dan profesor, hendaklah terdiri daripada—

(a) Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab bagi hal ehwal akademik hendaklah menjadi Pengerusi, atau semasa ketiadaannya atas apa jua sebab, mana-mana Timbalan Naib Canselor lain yang dilantik oleh Lembaga;

(b) dua orang ahli Senat yang dilantik oleh Senat; dan

(c) Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut bagi ahli akademik tersebut.

(2) Pendaftar atau wakil Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa ini.

(3) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan dua orang ahli Jawatankuasa.

(4) Jawatankuasa ini boleh menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil di Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut untuk membantu Jawatankuasa dalam melaksanakan tugas, kewajipan dan tanggungjawabnya.

**Keahlian Jawatankuasa bagi mengesyorkan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional**

6. (1) Keahlian Jawatankuasa bagi mengesyorkan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional, hendaklah terdiri daripada—

(a) Pendaftar, yang hendaklah menjadi Pengerusi; dan

(b) tiga orang pekerja Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.

(2) Ketua Unit atau Seksyen yang bertanggungjawab berkenaan dengan pengurusan sumber manusia atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa ini.

(3) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan dua orang ahli Jawatankuasa.

(4) Jawatankuasa ini boleh menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil yang ahlinya dilantik oleh Naib Canselor untuk membantu Jawatankuasa dalam melaksanakan tugas, kewajipan dan tanggungjawabnya.

**Keahlian Jawatankuasa bagi mengesyorkan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan pekerja Universiti dalam kumpulan sokongan**

7. (1) Keahlian Jawatankuasa bagi mengesyorkan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan pekerja Universiti dalam kumpulan sokongan hendaklah terdiri daripada—

(a) Pendaftar, yang hendaklah menjadi Pengerusi; dan

(b) tiga orang pekerja Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.

(2) Ketua Unit atau Seksyen yang bertanggungjawab berkenaan dengan pengurusan sumber manusia atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa ini.

(3) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan dua orang ahli Jawatankuasa.

(4) Jawatankuasa ini boleh menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil yang ahlinya dilantik oleh Naib Canselor untuk membantu Jawatankuasa dalam melaksanakan tugas, kewajipan dan tanggungjawabnya.

**Mesyuarat Jawatankuasa**

8. (1) Senat boleh melantik ahli silih ganti bagi menggantikan ahli yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(d), 4(1)(d) dan 5(1)(b) untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa jika ahli itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(2) Lembaga boleh melantik ahli silih ganti bagi menggantikan ahli yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(b) dan 7(1)(b) untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa jika ahli itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(3) Apabila menghadiri mesyuarat Jawatankuasa, seseorang ahli ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai ahli Jawatankuasa.

(4) Tiada prosiding yang boleh dipersoalkan atas alasan terdapat penambahan ahli termasuk ahli ganti dalam Jawatankuasa.

(5) Seseorang ahli Jawatankuasa yang dilantik boleh meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pihak yang melantik.

(6) Jika disebabkan oleh kematian, hilang kelayakan, ketidakupayaan atau peletakan jawatan, suatu kekosongan berlaku di kalangan ahli Jawatankuasa yang dilantik, kekosongan itu hendaklah diisi dan dilantik sepertimana yang ditentukan di dalam Statut ini dan orang yang dilantik untuk mengisi kekosongan itu hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh jawatan orang yang digantikannya itu.

### **Tempoh pelantikan ahli Jawatankuasa**

9. Tempoh pelantikan bagi ahli Jawatankuasa yang dipilih atau dilantik adalah tidak lebih daripada tiga tahun dan boleh dilantik semula.

### **Mengundang orang luar menghadiri mesyuarat**

10. Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pekerja Universiti yang bukan ahli Jawatankuasa itu, untuk menghadiri mesyuarat bagi menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi.

### **Kuasa dan fungsi Jawatankuasa**

11. (1) Jawatankuasa bagi maksud pelantikan ke sesuatu kursi dan pelantikan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan ke jawatan profesor kanan dan profesor dan Jawatankuasa bagi maksud pelantikan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan ke jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, hendaklah mempunyai kuasa dan fungsi berikut—

- (a) memperakukan kepada Lembaga tentang pelantikan jawatan bagi kursi, profesor kanan dan profesor;
- (b) memperakukan kepada Lembaga tentang pelantikan bagi jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang dan mana-mana jawatan utama sektor awam yang diperakukan oleh Universiti;
- (c) memperakukan kepada Lembaga tentang kenaikan pangkat bagi jawatan profesor kanan dan profesor;
- (d) memperakukan kepada Lembaga tentang kenaikan pangkat bagi jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang dalam skim perkhidmatan yang diluluskan oleh Lembaga dari semasa ke semasa;
- (e) memperakukan kepada Lembaga tentang pelanjutan perkhidmatan bagi jawatan profesor kanan dan profesor termasuk yang dilantik secara kontrak atau sementara, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang;

- (f) memperakukan kepada Lembaga tentang penamatan lantikan bagi jawatan profesor kanan dan profesor dalam percubaan atau yang diambil kerja secara kontrak, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, atas alasan selain daripada yang berupa tatatertib; dan
  - (g) menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil yang ahlinya dilantik oleh Naib Canselor untuk membantu Jawatankuasa dalam melaksanakan tugas, kewajipan dan tanggungjawabnya.
- (2) Jawatankuasa bagi mengesyorkan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan ahli akademik selain daripada jawatan profesor kanan dan profesor hendaklah mempunyai kuasa dan fungsi berikut—
- (a) mengesyorkan kepada Naib Canselor tentang pelantikan ahli akademik selain jawatan bagi kursi, profesor kanan dan profesor dalam mana-mana kategori;
  - (b) mengesyorkan kepada Naib Canselor tentang pengesahan ahli akademik selain jawatan bagi profesor kanan dan profesor dalam mana-mana kategori di dalam pelantikan masing-masing di Universiti;
  - (c) mengesyorkan kepada Naib Canselor tentang kenaikan pangkat ahli akademik selain daripada jawatan profesor kanan dan profesor dalam mana-mana kategori ke pelantikan yang lebih tinggi grednya dalam skim perkhidmatan yang diluluskan oleh Lembaga dari semasa ke semasa;
  - (d) mengesyorkan kepada Naib Canselor tentang pelanjutan perkhidmatan bagi ahli akademik selain daripada jawatan profesor kanan dan profesor yang dilantik secara kontrak atau sementara; dan
  - (e) mengesyorkan kepada Naib Canselor tentang penamatan lantikan bagi ahli akademik selain daripada jawatan profesor kanan dan profesor, yang dalam percubaan atau yang diambil kerja secara kontrak, yang dianggap tidak sesuai untuk pelantikan selanjutnya dalam perkhidmatan Universiti, atas alasan selain daripada yang berupa tatatertib.
- (3) Jawatankuasa bagi mengesyorkan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional dan Jawatankuasa bagi mengesyorkan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat atau lanjutan perkhidmatan pekerja Universiti dalam kumpulan sokongan hendaklah mempunyai kuasa dan fungsi berikut—
- (a) mengesyorkan kepada Naib Canselor tentang pelantikan pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional, dan kumpulan sokongan;
  - (b) mengesyorkan kepada Naib Canselor tentang pengesahan pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional, dan kumpulan sokongan dalam pelantikan masing-masing di Universiti;

- (c) mengesyorkan kepada Naib Canselor tentang kenaikan pangkat bagi pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional, dan kumpulan sokongan kepada pelantikan yang lebih tinggi grednya dalam skim perkhidmatan yang diluluskan oleh Lembaga dari semasa ke semasa;
- (d) mengesyorkan kepada Naib Canselor tentang pelanjutan perkhidmatan seseorang pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional, dan kumpulan sokongan yang dilantik secara kontrak atau sementara;
- (e) mengesyorkan kepada Naib Canselor tentang penamatan lantikan seseorang pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional, dan kumpulan sokongan dalam percubaan atau dalam kontrak, yang dianggap tidak sesuai untuk pelantikan selanjutnya dalam perkhidmatan Universiti, atas alasan selain daripada yang berupa tatatertib; dan
- (f) menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil yang ahlinya dilantik oleh Naib Canselor untuk membantu Jawatankuasa dalam melaksanakan tugas, kewajipan dan tanggungjawabnya.

(4) Walau apa pun kuasa dan fungsi Jawatankuasa di bawah Statut ini, Naib Canselor boleh melantik atau melanjutkan perkhidmatan mana-mana pekerja Universiti dalam mana-mana kategori dengan syarat tempoh pelantikan atau pelanjutan perkhidmatan itu tidak melebihi dua belas bulan dan boleh diperbaharui semula.

#### **Tatacara mesyuarat**

12. (1) Pengerusi hendaklah menentukan tarikh, tempat, masa dan agenda untuk mesyuarat Jawatankuasa berkenaan dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Jawatankuasa berkenaan. Mesyuarat Jawatankuasa boleh dilaksanakan secara dalam talian atas persetujuan daripada Pengerusi.

(2) Apa-apa keputusan mesyuarat yang minitnya belum disahkan tetapi perlu segera diambil tindakan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, maka tindakan tersebut adalah sah dan dibenarkan tertakluk kepada persetujuan Pengerusi dan hendaklah dicatatkan pada minit mesyuarat berikutnya.

#### **Pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat dan lanjutan perkhidmatan**

13. Pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat dan lanjutan perkhidmatan bagi pekerja Universiti boleh dilakukan dengan cara calon ditemuduga atau pertimbangan terus tanpa temuduga oleh Jawatankuasa yang berkenaan.

**Kesahan perbuatan Jawatankuasa yang menjalankan tugas berkenaan sebelum kuat kuasa Statut**

14. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Jawatankuasa yang menjalankan tugas yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH  
*Canselor*  
*Universiti Sultan Zainal Abidin*

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

## CONSTITUTION OF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

## SELECT COMMITTEE AND APPOINTMENT AUTHORITY STATUTE 2024

In exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin [*P.U. (A) 456/2010*], the Chancellor makes the following statute:

**Citation and commencement**

1. (1) This Statute may be cited as the Select Committee and Appointment Authority Statute 2024.

(2) This Statute is deemed to have come into operation on 1 January 2024.

**Interpretation**

2. In this Statute, unless the context otherwise requires—

“academician” means a person appointed to be an educator or researcher by the Board in accordance with the Constitution, and includes a professor, associate professor, researcher fellow, fellow, assistant professor, senior lecturer, lecturer, assistant lecturer, language teacher and tutor;

“Committee” means the Selection Committee for Appointment, Confirmation, Promotion and Extension of Service with membership as stated in this statute;

“promotion” means promoting the grade post of employees of the University to a higher grade post in the same service scheme;

“support group” means the implementing group;

“chair” means the post of professor as holder of a chair;

“extension of service” means the extension of service in the service scheme in Universiti Sultan Zainal Abidin;

“Board” means the Board of Directors of the University;

“employees of the University” means any person employed by the University under the Constitution or any statute;

“appointment” means the appointment in the service scheme in University;

“confirmation” means the confirmation of appointment in the service scheme in University;

“Constitution” means the Constitution of the University;

“Senate” means the academic body of the University; and

“University” means Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Membership of the Committee for purposes of appointment to a chair and appointment, promotion or extension of service to the post of senior professors and professors**

3. (1) The membership of the Committee for purposes of appointment to a chair and appointment, promotion or extension of service to the post of senior professors and professors shall consist of—

(a) the Vice-Chancellor, who shall be the Chairperson;

(b) two members of the Board appointed by the Board;

(c) the Dean of the Faculty or the head of School, Centre, Academy or Institute for which the chair or the professor is allocated; and

(d) two members of the Senate appointed by the Senate.

(2) The Registrar or representative of the Registrar shall be the Secretary of this Committee.

(3) The quorum for meetings of this Committee shall be the Chairperson and two members of the Committee.

---

**Membership of the Committee for purposes of appointment, promotion or extension of service to the post of Registrar, Bursar, Chief Librarian, Legal Advisor**

4. (1) The membership of the Committee for purposes of appointment, promotion or extension of service to the post of Registrar, Bursar, Chief Librarian, Legal Advisor shall consist of—

- (a) the Vice-Chancellor, who shall be the Chairperson;
- (b) two members of the Board appointed by the Board;
- (c) the Dean of the Faculty or the head of School, Centre, Academy or Institute for which the chair or the professor is allocated; and
- (d) two members of the Senate appointed by the Senate.

(2) The Registrar or representative of the Registrar shall be the Secretary of this Committee.

(3) The quorum for meetings of this Committee shall be the Chairperson and two members of the Committee.

**Membership of the Committee for making recommendation for appointment, confirmation, promotion or extension of service of academician, other than the post of senior professors and professors**

5. (1) The membership of the Committee for making recommendation for appointment, confirmation, promotion or extension of service of academician, other than the post of senior professors and professors, shall consist of—

- (a) the Deputy Vice-Chancellor who is responsible for academic affairs, who shall be the Chairperson, or in his/her absence for any reason whatsoever, any other Deputy Vice-Chancellor appointed by the Board;
- (b) two members of the Senate appointed by the Senate; and
- (c) the Dean of the Faculty, or the head of School, Centre, Academy or Institute for which the academician is allocated.

(2) The Registrar or representative of the Registrar shall be the Secretary of the Committee.

(3) The quorum for meetings of the Committee shall be the Chairperson and two members of the Committee.

(4) This Committee may establish a subcommittee in the Faculty, School, Centre, Academy or Institute to assist the Committee in performing its duties, obligations and responsibilities.

---

**Membership of the Committee for recommendation for appointment, confirmation, promotion or extension of service of employees of the University in the management and professional group**

6. (1) The membership of the Committee for recommendation for appointment, confirmation, promotion or extension of service of employees of the University in the management and professional group, shall consist of—

(a) the Registrar, who shall be the Chairperson; and

(b) three employees of the University appointed by the Vice-Chancellor.

(2) The head of Unit or Section who is responsible for human resource management or his/her representative shall be the Secretary of this Committee.

(3) The quorum for meetings of this Committee shall be the Chairperson and two members of the Committee.

(4) This Committee may establish a subcommittee whose members are appointed by the Vice-Chancellor to assist the Committee in performing its duties, obligations and responsibilities.

**Membership of the Committee for recommendation for appointment, confirmation, promotion or extension of service of employees of the University in the support group**

7. (1) The membership of the Committee for recommendation for appointment, confirmation, promotion or extension of service of employees of the University in the support group, shall consist of—

(a) the Registrar, who shall be the Chairperson; and

(b) three employees of the University appointed by the Vice-Chancellor.

(2) The head of Unit or Section who is responsible for human resource management or his/her representative shall be the Secretary of this Committee.

(3) The quorum for meetings of this Committee shall be the Chairperson and two members of the Committee.

(4) This Committee may establish a subcommittee whose members are appointed by the Vice-Chancellor to assist the Committee in performing its duties, obligations and responsibilities.

**Committee Meeting**

8. (1) The Senate may appoint an alternate member in place of the member appointed under paragraphs 3(1)(d), 4(1)(c) and 5(1)(b) to attend meetings of the Committee if such member is unable to attend for any reason.

(2) The Board may appoint an alternate member in place of the member appointed under paragraphs 6(1)(b) and 7(1)(b) to attend meetings of the Committee if such member is unable to attend for any reason.

(3) When attending meetings of the Committee, an alternate member shall for all purposes be deemed to be a member of the Committee.

(4) No proceeding shall be questioned on the ground that there is an increase in members including an alternate member in the Committee.

(5) An appointed member of the Committee may resign by giving notice in writing to the appointing party.

(6) If by reason of death, disqualification, incapability or resignation, a vacancy takes place amongst the appointed members of the Committee, such vacancy shall be filled and appointment shall be made as determined in this Statute and the person appointed to fill the vacancy shall hold office for the remainder term of office of the person replaced by him.

#### **Term of appointment for members of the Committee**

9. The term of appointment for members of the Committee elected or appointed shall not be more than three years and may be renewed.

#### **Inviting others to attend meetings**

10. The Committee may invite any person, including any employees of the University who is not a member of the Committee, to attend meetings for advising it on any matter under discussion but that person shall not be entitled to vote.

#### **Powers and functions of the Committee**

11. (1) The membership of the Committee for purposes of appointment to a chair and appointment, promotion or extension of service to the post of senior professors and professors and the membership of the Committee for purposes of appointment, promotion or extension of service to the post of Registrar, Bursar, Chief Librarian, Legal Advisor shall have the following powers and functions—

- (a) to certify to the Board of the appointment for the chair, senior professor and professor;
- (b) to certify to the Board on appointment for the post of Registrar, Bursar, Chief Librarian, Legal Advisor and any public premiere post as endorsed by the University;

- (c) to certify to the Board on promotion for the post of senior professor and professor;
- (d) to certify to the Board on promotion for the post of Registrar, Bursar, Chief Librarian, Legal Advisor in the service scheme approved by the Board from time to time;
- (e) to certify to the Board on the extension of service for the post of senior professor and professor including those appointed on contract or temporarily, Registrar, Bursar, Chief Librarian, Legal Advisor;
- (f) to certify to the Board on termination of appointment for the post of senior professor and professor on probation or employed on contract Registrar, Bursar, Chief Librarian, Legal Advisor, on the ground other than purported disciplinary; and
- (g) to establish a subcommittee whose members are appointed by the Vice-Chancellor to assist the Committee in performing its duties, obligations and responsibilities.

(2) The membership of the Committee for making recommendation for appointment, confirmation, promotion or extension of service of academician, other than the post of senior professors and professors shall have the following powers and functions—

- (a) to make recommendation to the Vice-Chancellor on appointment of academician other than the post for chair, senior professor and professor in any category;
- (b) to make recommendation to the Vice-Chancellor on confirmation of academician other than the post for senior professor and professor in any category in their respective appointments in University;
- (c) to make recommendation to the Vice-Chancellor on promotion of academician other than the post for senior professor and professor in any category to an appointment with higher grade in the service scheme approved by the Board from time to time;
- (d) to make recommendation to the Vice-Chancellor on extension of service for academician other than the post for senior professor and professor appointed on contract or temporarily; and
- (e) to make recommendation to the Vice-Chancellor on termination of appointment for academician other than the post of senior professor and professor, on probation or employed on contract, considered inappropriate for further appointment in the service of University, on the ground other than purported disciplinary.

(3) The membership of the Committee for recommendation for appointment, confirmation, promotion or extension of service of employees of the University in the management and professional group and the membership of the Committee for recommendation for appointment, confirmation, promotion or extension of service of the employees of the University in the support group shall have the following powers and functions—

- (a) to make recommendation to the Vice-Chancellor on appointment of employees of the University in the management and professional group, and support group;
- (b) to make recommendation to the Vice-Chancellor on confirmation of employees of the University in the management and professional group, and support group in their respective appointments in University;
- (c) to make recommendation to the Vice-Chancellor on promotion for employees of the University in the management and professional group, and support group to an appointment with higher grade in the service scheme approved by the Board from time to time;
- (d) to make recommendation to the Vice-Chancellor on extension of service of an employee of the University in the management and professional group, and support group appointed on contract or temporarily;
- (e) to make recommendation to the Vice-Chancellor on termination of appointment of an employee of the University in the management and professional group, and support group on probation or on contract, considered inappropriate for further appointment in the service of University, on the ground other than purported disciplinary; and
- (f) to establish a subcommittee whose members are appointed by the Vice-Chancellor to assist the Committee in performing its duties, obligations and responsibilities.

(4) Notwithstanding the powers and functions of the Committee under this Statute, the Vice-Chancellor may appoint or extend the service of any employees of the University in any category provided that the term of appointment or extension of service shall not exceed twelve months and may be renewed.

### **Procedure at meetings**

12. (1) The Chairperson shall determine the date, place, time and agenda for meetings of the Committee and the meetings shall be summoned by the Secretary of the Committee. The Committee meeting may be held online at the approval of the Chairperson.

(2) Any decision of the meeting that has not been confirmed but requires immediate action by the responsible party, then the action is valid and permissible subject to the approval of the Chairperson and must be recorded in the minutes of the next meeting.

**Appointment, confirmation, promotion and extension of service**

13. The appointment, confirmation, promotion and extension of service for employees of University may be made by way of interview or direct consideration without interview by the relevant Committee.

**Validity of acts of the Committee exercising the duty in question before the coming into operation of Statute**

14. No acts or omissions by the Committee which exercises the duty in question before the coming into operation of this Statute shall be invalid on the ground that this Statute has not come into operation.

Made 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH  
*Chancellor*  
*Universiti Sultan Zainal Abidin*